



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
07 APRIL 2018 (SABTU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Terima pengiktirafan Fifa | 36 |
| - Iklan- Majlis Perasmian Stadium MPAJ | 19 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
07 APRIL 2018 (SABTU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Terima pengiktirafan Fifa
Muka Surat	36

7/4/18
Ms 36

Terima pengiktirafan Fifa

Stadium MPAJ dilengkapi teknologi terkini, pencahayaan LED 2,000 lux

AHMAD ISMADI ISMAIL
PANDAN INDAH

Stadium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Pandan Perdana yang akan dirasmikan esok merupakan stadium pertama dalam kawasan pentadbiran MPAJ, turut menerima sijil pengiktirafan badan induk bola sepak, Persekutuan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa).

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pembinaan stadium ini amat diperlukan kerana kawasan pentadbiran MPAJ pada masa kini masih belum mempunyai sebuah stadium bertujuan sebagai pusat aktiviti sukan dan riadah sejak ia ditubuhkan 25 tahun lalu.

"Tapak stadium ini berkeluasan 5.87 ekar yang dibina di atas tapak kawasan lapang," katanya.

Menurutnya, stadium ini mula dibina pada penghujung 2015 dengan lantikan perunding dan kontraktor.

"Kos pembinaan adalah RM23 juta dan tempoh pembinaan pula adalah selama 18 bulan, stadium ini juga dilengkapi permukaan balapan berteknologi terkini dan kemudahan asas lain seperti bilik persalinan, bilik rawatan, persediaan media, ruang VVIP, tandas dan lain-lain," katanya.

Menurutnya, pelbagai acara sukan boleh dianjurkan di stadium ini antaranya, bola sepak, acara balapan seperti lompat galah, lompat jauh, lompat kijang, lempar cakera, lontar peluru dan lari berhalangan.

"Trek di stadium ini juga mendapat pensijilan kelas kedua daripada Persekutuan Olahraga Antarabangsa (IAAF)," katanya.

Sementara itu, Setiausaha yang Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Hasrolnizam Shaari berkata, ciri istimewa lain yang terdapat di stadium ini adalah sistem pencahayaan menggunakan lampu LED dengan bacaan pencahayaan 2,000 lux berbanding syarat minimum bagi perlawanan Liga Malaysia yang memerlukan 1,200 lux.

"Lampu di stadium ini juga tidak bersifat statik tetapi boleh dilaras mengikut keperluan semasa untuk disesuaikan dengan kejohanan yang dijalankan," katanya.

Menurutnya, kemudahan seperti penyediaan tempat duduknya yang boleh memuatkan 1,010 penonton.

"Tetapi kapasiti penuh boleh mencecah kira-kira 5,000 penonton pada satu masa," katanya.

Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan lagi majlis perasmian Stadium MPAJ, terdapat pelbagai acara sampingan diadakan antaranya kayuhan santai MPAJ, zumba, kejohanan memanah tradisional, pertandingan larian sekolah di kawasan MPAJ, sukaneka MPAJ, program jalan kaki 10,000 langkah dan 200 hadiah cabutan bertuah dengan hadiah utama sebuah motosikal.



Abd Hamid sedang melihat gambar Stadium MPAJ.



Hasrolnizam (duduk dua kiri) bersama Ahli Majlis MPAJ melawat Stadium MPAJ.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 07 APRIL 2018 (SABTU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Iklan- Majlis Perasmian Stadium MPAJ
Muka Surat	19

SINAR HARIAN • SABTU 7 APRIL 2018 19

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Majlis Perasmian
STADIUM MPAJ

DISEMPURNAKAN OLEH:
YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

8 APRIL 2018 (AHAD) 9.00 PAGI
PANDAN PERDANA

KOORDINAT GPS : 3.113574, 101.741988

KAYUHAN SANTAI /
JALAN KAKI 10K LANGKAH /
/ PERSEMBAHAN DIDI & FRIENDS /
/ JOM ZUMBA /
/ PERSEMBAHAN ARTIS /
/ KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL & BAREBOW /
/ PERTANDINGAN LARIAN 4X100M ANTARA SEKOLAH (AMPANG) /
/ KARNIVAL WANITA / SEPAK RAGA TUJU /
/ KEJOHANAN SUKANeka JMB /
KEJOHANAN SEPAKAN PENALTI /
CABUTAN BERTUAH

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI 03 4285 7102
SEMUA DIJEMPUT HADIR